

# Kewangan Harian Kita Halal @ Haram?

DE 19.12.2014 9  
BUKU Kewangan Harian Kita Halal @ Haram? ditulis atas kesedaran penulis bahawa harta adalah ujian buat manusia yang boleh menjadi fitnah terhadap keharmonian hidup, jika tidak diuruskan mengikut syarak. Menurut penulis, Islam sebagai agama yang realiti dan praktikal telah menyediakan satu sistem tadbir urus kewangan yang sempurna supaya setiap umat mendapat kebaikan daripada wang dan harta yang diperolehi serta mendapat keberkatan di dunia dan akhirat. Buku yang mengambil tema agama dan pengurusan kewangan ini patut dimiliki dan dibaca oleh setiap Muslim kerana ia menyediakan panduan bagi memahami konsep, disiplin dan panduan dalam mengurus wang berdasarkan tuntutan Islam. Namun, individu bukan Muslim juga boleh memanfaatkan buku ini untuk memahami perincian kaedah mengurus wang menurut perspektif Islam.

Buku ini mengandungi 10 bab yang bertemakan pengurusan kewangan Islam. Penulis memulakan bab pertama dengan memperkenalkan beberapa definisi penting berkaitan kewangan Islam seperti muamalat, maliah serta garis panduan asas muamalat. Penulis juga membincangkan beberapa jenis riba dan konsep *sad az-zarai'* dalam bab ini.

Bab kedua membincangkan harta dari perspektif Islam, definisi, kategori, jenis serta pembahagian dan pemilikan harta. Manakala, bab ketiga menghuraikan tentang sistem ekonomi Islam, matlamat dan keistimewaannya berbanding sistem ekonomi lain.

Bab empat mengupas akad dan kontrak iaitu tentang definisi, rukun, jenis dan pembahagian akad. Penulis juga menjelaskan tentang beberapa perkara yang selalu menjadi persoalan dalam masyarakat seperti kedudukan akad lain dalam satu akad, perbezaan lafaz dalam akad, hukum berhimpun dua akad dalam satu akad dan hukum meletakkan syarat bagi akad.

Bab lima membincangkan pekerjaan dan usaha mencari rezeki yang dituntut oleh Islam, kewajipan mencari rezeki yang halal, membasmi kemiskinan, beberapa kesilapan dalam memahami konsep mencari rezeki serta kesan buruk daripada rezeki yang haram. Manakala, bab enam menghuraikan riba dari segi definisi dan dalil pengharamannya, perbezaan riba dengan urus niaga yang lain, pembahagian riba serta cara bermuamalat dengan barangan berunsur riba. Penulis juga menyorot pandangan masyarakat terdahulu dan agama samawi

terhadap riba.

Bab tujuh menjelaskan dengan terperinci tentang definisi dan rukun jual beli serta hukum jual beli beberapa barangan. Penulis juga membincangkan beberapa jenis ijab dan kabul di dalam bab ini.

Perbincangan dalam bab lapan adalah berkaitan penentuan harga dan had keuntungan dalam Islam, keuntungan yang diharamkan dan beberapa perkara berkaitan jualan bertempoh. Manakala dalam bab sembilan, penulis memberikan garis panduan dalam berakad untuk pelbagai jenis kontrak. Seterusnya dalam bab terakhir iaitu bab sepuluh, penulis menguraikan dengan teliti beberapa aplikasi hukum kontrak kontemporari dalam kehidupan seharian masyarakat masa kini seperti kad kredit, simpanan wang dalam akaun bank, faedah bank, caj perkhidmatan dan insurans.

Secara keseluruhannya, buku ini sangat baik dijadikan bahan bacaan asas untuk memahami ilmu kewangan Islam. Buku ini kelihatan agak teknikal kerana menggunakan pelbagai istilah yang jarang didengar dalam urusan kewangan harian. Namun, penulis mengambil tindakan bijak dengan memberikan huraian dari segi definisi setiap istilah yang digunakan di permulaan setiap perbahasan. Sebagai contoh, dalam bab satu penulis menjelaskan tentang konsep *sad az-zarai'* dari segi bahasa iaitu menutupi ruang jalan. Manakala, *sad az-zarai'* menurut istilah ialah menegahkan jalan-jalan yang pada zahirnya diharuskan tetapi boleh membawa kepada perkara-perkara haram. Selain memperolehi pengetahuan dari segi hukum hakam menguruskan wang dan harta dalam Islam, pembaca juga diperkenalkan dengan begitu banyak istilah kewangan Islam yang selama ini jarang disebut dalam perbincangan umum seperti contoh *sof, muqayadah, akad mu'awadat, akad tabarru'at, akad hijz, akad fadidah, akad batilah* dan pelbagai lagi.

Selain itu, penulis berjaya menghuraikan pelbagai jenis urus niaga harian dalam pelbagai konteks kehidupan dengan penjelasan yang ringkas tetapi padat. Setiap perbahasan mengenai hukum sesuatu perkara juga disertakan dengan dalil sama ada daripada nas Al-Quran atau pun hadis.

Penulis juga mengulas dengan terperinci beberapa perkara seperti jenis riba dan pelbagai jenis kontrak dalam urusan harian seperti kontrak sewa, tempahan, tempahan pertukangan,

perniagaan mata wang, perkongsian, pelaburan, khidmat menanam dan menuai serta upah siram. Oleh sebab penulis mempunyai kepakaran dalam bidang syariah Islam, beliau juga telah berjaya memberi input yang banyak kepada pembaca dari segi sejarah urus niaga tertentu, pandangan beberapa agama dalam hal berkaitan riba, pensyariatan keharusan sesuatu kontrak dalam urusan harian, membetulkan beberapa salah faham tentang konsep rezeki serta pandangan pelbagai mazhab dan pendapat para fuqaha dalam hal tertentu.

Buku ini ditulis dengan pengetahuan yang sangat mendalam tentang hal ehwal kewangan Islam dengan merujuk kepada pelbagai sumber ilmiah, al-Quran dan hadis. Penulis berjaya meleraikan pelbagai persoalan yang selalu menjadi tanda tanya dalam kalangan umat Islam. Sebagai contoh dalam bab lapan, penulis menjelaskan tentang mekanisme menetapkan harga sesuatu barang yang ingin dijual serta had mengambil untung bagi sesuatu jualan. Selain itu, penulis juga membincangkan perkara yang jarang berlaku dalam urusan harian seorang Muslim. Penulis berjaya menarik perhatian pembaca dengan mengakhiri bab dalam buku ini dengan perbincangan mengenai isu-isu yang sangat signifikan dengan masyarakat masa kini iaitu kad kredit, simpanan dalam akaun bank dan insurans.

Sedikit kekurangan buku ini adalah dari segi urutan bab. Sebagai contoh, bab empat membincangkan tentang akad dan kontrak. Perbincangan lanjut tentang garis panduan dalam berakad atau kontrak ini adalah dalam bab sembilan. Sekiranya perbincangan tentang garis panduan itu dilanjutkan dalam bab lima, momentum bacaan pembaca tidak akan tersekat-sekat terutamanya bagi khalayak yang belum lagi boleh memahami dengan baik perbahasan di dalam buku ini. Namun, kekurangan ini bukan hal yang besar berbanding limpahan ilmu yang terkandung di dalam buku ini serta manfaat yang diperolehi daripada pengetahuan tersebut. Penulis telah berjaya membincangkan, menghuraikan, mengulas dan membahaskan hampir semua perkara yang melibatkan wang dan harta dalam konteks kehidupan harian kita.

Justeru, buku ini juga boleh dijadikan sebagai buku teks atau rujukan asas akademik untuk sesiapa sahaja yang mahu mendalami bidang muamalat. Buku ini juga sepatutnya dis-



<b>Tajuk</b>	: Kewangan Harian Kita Halal @ Haram?
<b>Penulis</b>	: Muhamad Zuhaili Saiman
<b>Penerbit</b>	: Grup Buku Karangkrak Sdn Bhd
<b>Tebal</b>	: 288 muka surat
<b>Pengulas</b>	: Dr Rosnah Ishak, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS.

impan di setiap rumah Muslim sebagai buku rujukan penting urusan kewangan.

Oleh yang demikian, untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang buku dan isi kandungannya, sila lawati laman sesawang Perpustakaan Negeri Sabah di [www.ssl.sabah.gov.my](http://www.ssl.sabah.gov.my) atau hubungi talian 088-231623 / 214828 / 256192 untuk mengetahui ketersediaan buku tersebut.

Bagaimanapun, buku-buku ini mungkin mengambil masa untuk dihantar ke perpustakaan di luar Kota Kinabalu. Sila berhubung dengan perpustakaan terdekat untuk tempahan pinjaman.